

Teater Nyonya-nyonya

bakal temui penonton di Dewan Resital UMS

UB 24.9.2018 68

NASKAH Teater Nyonya-nyonya nukilan Wisran Hadi iaitu penulis terkenal kelahiran Padang, Indonesia kini telah menjadi pilihan untuk dipentaskan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kali ini, teater berkenaan diarahkan oleh Ismaliza Ishak dan akan dipentaskan di Dewan Resital, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan dengan kerjasama Persatuan Karisma Budaya Sabah pada 17 dan 18 November akan datang.

Pementasan ini merupakan anjuran di bawah subjek Prosedur Produksi 1 dan merupakan antara penilaian pergurusan produksi untuk subjek ini. Sebelum ini, Nyonya-nyonya pernah menjadi teater keliling yang dipentaskan di Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Kuching, Sarawak oleh pengarah yang sama.

Ismaliza berkata teater itu menjadi pilihan kerana pendekatannya yang sangat dekat dengan masyarakat Sabah.

"Ia juga sarat dengan sindiran dan elemen meta-

fora yang cuba menjelaskan secara tersirat mengenai sikap manusia jika memiliki kedudukan, kuasa dan pengaruh. Contoh perkataan kerusi yang ditonjolkan dalam naskah ini bukanlah bermaksud kerusi biasa yang digunakan untuk diduduki.

"Sebaliknya, kerusi itu membawa perlambangan mengenai kedudukan seseorang. Kerusi menjadi perebutan untuk mendapat kedudukan. Bila ada kedudukan, manusia akan cuba memanipulasinya dengan pelbagai cara," jelasnya.

Antara pencetus kepada idea untuk mementaskan karya Wisran Hadi itu adalah kerana secara peribadi, Ismaliza amat mengenali penulis itu dan pernah menjadi anak didik kepada beliau semasa menuntut di ASWARA.

Daripada pengamatan teater Nyonya-nyonya, kebanyakan karya yang dihasilkan memiliki pendekatan yang cukup dekat dengan masyarakat.

"Nyonya adalah contoh yang terbaik dan ia berkisar mengenai seorang lelaki yang cuba



BABAK Ponakan menuntut wang dan harta daripada Nyonya.



ANTARA babak Nyonya bersama Tuan.



BABAK isteri memarahi Tuan kerana tidak pulang rumah.



ANTARA pelakon yang menjayakan pementasan Teater Nyonya-nyonya.

mengoda isteri orang. Seperti yang kita ketahui, perkara seumpama ini sering menjadi isu dalam masyarakat kita dan manusia akan gunakan apa saja untuk mendapatkan hak orang lain.

"Dalam masa yang sama, Nyonya juga turut menceritakan bagaimana perebutan harta yang berlaku dalam kalangan saudara-mara," katanya.

Pementasan Teater Nyonya-nyonya membuktikan ramai pelakon teater yang mempunyai profail diakui kemampuannya dan berpengalaman dalam bidang lakonan. Ada antara mereka yang pernah dinobatkan dengan anugerah kemerdekaan di Festival Teater Sabah dan juga di peringkat kebangsaan.

Para pelakon juga kini

sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Phd dalam bidang teater di UMS. Antara pelakon yang menjayakan pementasan ini ialah Mazrona Kalinggalan,

Muhamad Faizan Deraman, Nur Farahin Fred Gugau, Siti Rahmas Bedu, Dg Farah Athirah Asim dan Sunarti Yahya.

Bagi yang berminat untuk

datang menyaksikan pementasan Teater Nyonya-nyonya, anda boleh membeli tiket secara online dan tempahan atau terus 'walk-in' pada hari pementasan.



ISMALIZA ISHAK